

RMK12 bernilai RM415b ke arah jadikan negara peneraju ekonomi Asia

# Bersama berganding bangunkan Malaysia

Oleh **JUANI ABU BAKAR**  
dan **MOHD. FADHLI SULAIMAN**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Malaysia melancarkan pelan pembangunan bernilai RM415 bilion bagi merancakkan pertumbuhan aktiviti ekonomi ketika negara berdepan kelembapan permintaan global, kekangan hutang lebih RM1 trilion dan cabaran ketidakstabilan politik berterusan.

Semakan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) itu menyaksikan usaha untuk meningkatkan pelaburan dalam sektor strategik, pelaksanaan infrastruktur penting dan menangani isu struktur yang membelenggu negara berdekad lamanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, rakyat kekal sebagai hala tuju dan penentu program pembangunan dan akan menjadi asas kepada perancangan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) kelak.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Kerajaan Perpaduan dibentuk ketika negara berdepan ketidakpastian ekonomi dan kemelut geopolitik.

**Bersambung di muka 3**



## Pembentangan kajian RMK12

**DATUK** Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bertemakan Malaysia MADANI: Mampan, Sejahtera, Berpendapatan Tinggi pada Mesyuarat Khas Dewan Rakyat semalam.  
-JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

**MALAYSIA MADANI**  
TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN

**EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT**

**PEMACU UTAMA**

1. Tatalaksana dan rangka kerja institusi
2. Perundangan berkaitan rasuah.

**MEMPERKUKUH KEMAMPANAN**

3. Kemampanan fiskal dan sistem kewangan.
4. Industri HGHV berasaskan peralihan tenaga.
5. Subsidi bersasar.

**MEMBANGUNKAN MASYARAKAT SEJAHTERA**

6. Pembudayaan masyarakat MADANI
7. Reformasi perlindungan sosial.
8. Perumahan untuk rakyat.
9. Pengukuhan perkhidmatan kesihatan.
10. Pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara.

**MENCAPAI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI**

11. Industri HGHV berasaskan teknologi dan digital.
12. Industri HGHV E&E bernilai tinggi.
13. HGHV pertanian dan industri asas tani.
14. Industri HGHV nadir bumi
15. Pemerksaan PMKS dan perusahaan sosial.
16. Pengukuhan jaringan pengangkutan awam.
17. Ketersediaan bakat masa hadapan.

## Bersama berganding bangunkan Malaysia

### Dari muka 1

Oleh itu, beliau mengakui ia bukan tugas yang mudah untuk mengatasi semua cabaran ini.

“Saya mengajak semua agar kita kembali kepada politik yang membina, sama sama bergandingan, segulai sejalai membangunkan semula negara kita.

“Kita semua cintakan negara ini. Malaysia punyai potensi yang hebat, kekayaan hasil mahsul dan tenaga pekerja serta profesional dan rakyatnya yang berdaya saing mampu meletakkan kita pada kedudukan strategi sebagai peneraju ekonomi Asia sebagaimana yang dicita-citakan,” katanya dalam pembentangan usul Ka-

jian Separuh Penggal RMK12 di Dewan Rakyat semalam.

Menurut beliau, Kajian Separuh Penggal RMK12 itu bukan pendekatan biasa kerana penilaian itu meliputi dasar dan kaedah baharu untuk menghadapi cabaran semasa yang menuntut negara melakukan anjakan secara tegas dan menyeluruh.

Bagi mencapai matlamat itu, kata Anwar, Kerajaan Perpaduan sedang mempersiapkan negara menempuhi fasa kedua Kajian Separuh Penggal RMK12 yang bertemakan ‘Mampaan, Sejahtera dan Berpendapatan Tinggi’ dengan memberi tiga tumpuan utama iaitu memperkukuh kemampanan, membangunkan masyarakat

sejahtera dan menuju negara berpendapatan tinggi.

“Sebanyak 17 anjakan utama dan 71 inisiatif utama telah diperkenalkan bagi memastikan keberhasilan perkara yang disasarkan. Insya-Allah, KSP RMK12 ini akan terus memperkukuh agenda pembangunan negara dan rakyat ke arah mencapai matlamat Ekonomi Madani,” katanya.

Perdana Menteri berkata, antara anjakan tersebut adalah membabitkan tatalaksana dan rangka kerja institusi, perundangan berkaitan rasuah, kemampanan fiskal dan sistem kewangan dan industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) berasaskan peralihan tenaga dan subsidi bersasar.

Selain itu, menurut beliau, pembudayaan masyarakat Madani, reformasi perlindungan sosial, perumahan untuk rakyat, pengukuhan perkhidmatan kesihatan, pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara, industri HGHV berasaskan teknologi dan digital, industri HGHV elektronik dan elektrik bernilai tinggi dan HGHV pertanian dan industri asas tani.

Baki anjakan lain membabitkan industri HGHV nadir bumi, pemerksaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan perusahaan sosial, pengukuhan jaringan pengangkutan awam dan ketersediaan bakat masa hadapan.